



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
Penarafan Taman Awam

MANUAL

ANUGERAH ROSA-SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

ZON
*Rekreasi
Luarga*

2022



1996-2021
JABATAN LANDSKAP NEGARA
#25yearlandscapingthenation



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN



ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
Penarafan Taman Awam

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

ZON
*Rekreasi
Keluarga*

TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

MANUAL ANUGERAH ROSA-SINENSIS - PENARAFAN TAMAN AWAM

Cetakan Pertama 2022

Jabatan Landskap Negara
Aras 7,8,9 & 10, Blok F10
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F
Jalan Perdana Timur A, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
Tel : +603-80910500
Laman Web : <http://jln.gov.my/>

Dicetak di Malaysia


Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam penerbitan
Manual Anugerah Rosa-sinensis - Penarafan Taman Awam
ISBN 978-629-96919-0-7

@ Hakcipta Terpelihara

Bahagian Penyelidikan Dan Pemuliharaan
Jabatan Landskap Negara

Tiada mana-mana bahagian dokumen kompilasi ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Jabatan Landskap Negara.

EDITORIAL



PENASIHAT

Rotina binti Mohd. Daik
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

KETUA EDITOR

Meor Saadon Sofian bin Mior Razali
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Landskap Negara

EDITOR

Mansor bin Mohamad
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan
Pemuliharaan

SIDANG PENGARANG

Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
Irdazulfa binti Ithnin
Hasri bin Hj. Saide
Latifah binti Naam

SEKRETARIAT

Bahagian Penyelidikan dan
Pemuliharaan
Jabatan Landskap Negara

HAKCIPTA GAMBAR

Hasri bin Hj. Saide
Jabatan Landskap Negara

KONSEP REKABENTUK

Shuriani binti Shaari

TERBITAN 2022
JABATAN LANDSKAP NEGARA

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JLN

01

PENGENALAN

1

Anugerah Rosa-sinensis Penarafan Taman Awam

2

Objektif Pelaksanaan Anugerah

2

Manual Pelaksanaan Anugerah

3

Konsep Pelaksanaan Anugerah

3

Keperluan Pelaksanaan Anugerah

4

02

MEKANISMA PELAKSANAAN ANUGERAH

6

A. Kelayakan

7

B. Permohonan

8

C. Pengauditan

8

D. Penarafan

12

E. Pengiktirafan

13

F. Audit Semula

14

G. Auditor

14

H. Organisasi Pentadbir Anugerah

15



03

SKOP AUDIT

18

SKOP AUDIT DOKUMEN

19

Seksyen 1: Maklumat Taman

21

Seksyen 2: Organisasi dan Komunikasi

21

Seksyen 3: Perancangan dan Pengurusan Taman

22

Seksyen 4: Komuniti, Pendidikan dan Outreach

24

SKOP AUDIT FIZIKAL

25

Seksyen 1: Kemudahsampaian

27

Seksyen 2: Kemudahan Rekreasi dan Aktiviti

29

Seksyen 3: Fasiliti dan Kualiti Taman

33

Seksyen 4: Penyelenggaraan dan Kebersihan Taman

37

Seksyen 5: Keselamatan Pengguna

41

Seksyen 6: Kelestarian Alam Sekitar

42

Seksyen 7: Pemuliharaan Landskap, Biodiversiti dan Pendidikan

43

Seksyen 8: Outcome

44

04

LAMPIRAN

45

Carta Alir Pelaksanaan Anugerah

46

Borang 1: Borang Permohonan Penyertaan

48

Borang 2: Borang Senarai Semak Permohonan

52

Borang 3: Borang Jadual Audit

55

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

UJANA MUALLIM, TANJONG MALIM, PERAK



ANUGERAH **ROSA-SINENSIS** PENARAFAN TAMAN AWAM

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan Izin-Nya, Jabatan Landskap Negara telah berjaya menerbitkan Manual Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam, iaitu panduan serta mekanisma pelaksanaan Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam.

ANUGERAH ROSA-SINENSIS – Penarafan Taman Awam adalah satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Anugerah ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar. Anugerah ini telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 16 Disember 2021 semasa Majlis Penyerahan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak, Johor.

JABATAN LANDSKAP NEGARA sentiasa menyokong dan memberikan komitmen penuh bagi menjayakan agenda dan fokus Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu "Liveable Malaysia" atau Malaysia Berdaya Huni melalui pembangunan landskap dan taman awam yang memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Justeru, pelaksanaan anugerah adalah sebagai usaha untuk menggalakkan semua pihak yang berkepentingan iaitu PBT, pemaju, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti bekerjasama bagi mencapai matlamat penyediaan taman awam dan kawasan hijau yang berkualiti.

Akhir kata, saya berharap manual ini dapat menjadi panduan dan bahan rujukan kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam menjayakan anugerah bagi memastikan objektif pelaksanaan anugerah dapat dicapai dan memastikan hasrat pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Sekian, terima kasih.

ROTINA BINTI MOHD DAIK
KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA



ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

TAMAN AWAM TASIK TEMOH, PERAK

01 PENGENALAN

Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam adalah satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya.

ANUGERAH ROSA-SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM


TAMAN AWAM BANDAR PUTERI JAYA,
SUNGAI PETANI, KEDAH

PENGENALAN

ANUGERAH ROSA-SINENSIS –

Penarafan Taman Awam adalah satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya.

Anugerah ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.



OBJEKTIF PERLAKSANAAN ANUGERAH

Pelaksanaan anugerah bermatlamat untuk memastikan rakyat mendapat kemudahan rekreasi awam yang berkualiti. Objektif pelaksanaan anugerah adalah untuk:

- ❖ Memastikan setiap individu mendapat akses yang saksama kepada kemudahan rekreasi awam.
- ❖ Memastikan taman awam dan kawasan hijau berfungsi dalam aspek rekreasi, psikologi, interaksi sosial, keindahan, kelestarian alam sekitar, pendidikan dan ekonomi serta menyokong kepada ekosistem perbandaran yang menyeluruh.
- ❖ Memastikan taman awam dan kawasan hijau selamat digunakan.
- ❖ Memastikan taman awam dan kawasan hijau terpelihara, tahan lama dan mampan dengan melibatkan komuniti dalam pengurusan dan penyelenggaraan kawasan.
- ❖ Memastikan taman awam dan kawasan hijau dibangun dan diurus dengan amalan terbaik bagi mengurangkan impak kepada pengguna dan alam sekitar perbandaran.

MANUAL

PELAKSANAAN ANUGERAH

Manual Pelaksanaan Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam ini disediakan sebagai panduan dan bahan rujukan kepada peserta, auditor, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Penarafan dan semua pihak berkepentingan, mengenai mekanisme pelaksanaan anugerah yang terdiri daripada kelayakan penyertaan, skop audit dan bentuk pengiktirafan serta organisasi pentadbir anugerah.

Penyediaan manual ini bertujuan bagi memastikan objektif pelaksanaan anugerah dapat dicapai dan memastikan hasrat pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti dapat dipenuhi.

KONSEP

PELAKSANAAN ANUGERAH

Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam adalah penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang inklusif dan berkualiti yang memenuhi fungsi penyediaannya, kecekapan pengurusan dan kelestarian alam sekitar.

Taman awam dan kawasan hijau berkualiti bila mana ianya memberi manfaat dan impak positif kepada rekreasi, psikologi, sosial, budaya, keindahan, kelestarian alam sekitar dan ekonomi serta menyumbang kepada pembentukan identiti setempat dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Dari segi fizikal, taman awam dan kawasan hijau yang inklusif dan berkualiti mempunyai ciri-ciri berikut :

- ❖ Mempunyai akses yang saksama, selesa dan mudah bagi semua golongan pengguna.
- ❖ Pengguna berasa selamat dan selesa berada dalam taman.
- ❖ Fasiliti, utiliti dan kemudahan yang disediakan menyokong keperluan rekreasi aktif dan pasif secara optimum.
- ❖ Aktif digunakan untuk aktiviti rekreasi, interaksi sosial dan kebudayaan setempat.
- ❖ Karakter dan kualiti visual yang menarik, indah dan menenangkan.
- ❖ Menyokong ekosistem bandar yang lebih luas dari aspek kelestarian alam sekitar dan mewujudkan habitat kepelbagaian biologi perbandaran.
- ❖ Meneroka dan memaksimumkan penggunaan sumber diperbaharui dalam pembinaan dan pengurusan taman.
- ❖ Impak negatif yang minima kepada alam sekitar.
- ❖ Ruang untuk pengguna dan orang awam terlibat dalam pengurusan dan penyelenggaraan taman dan kawasan hijau.
- ❖ Menggalakkan penerokaan, pembelajaran dan pengalaman berkaitan alam sekitar (*nature*).
- ❖ Menyokong pelaksanaan polisi kerajaan dan protokol antarabangsa seperti bandar berdaya tahan (*resilient city*) terhadap perubahan iklim dan pencapaian *Sustainable Development Goal's* (SDG's).

Anugerah diberikan kepada PBT, jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah merancang, membangun dan mengurus taman awam dan kawasan hijau secara komprehensif dan memberi impak positif kepada komuniti setempat.

Penarafan dilaksanakan melalui proses auditan di lapangan.



TRIVIA

Rosa-sinensis diambil
bersempena dengan nama
botani Bunga Raya iaitu
Hibiscus rosa-sinensis

KEPERLUAN PELAKSANAAN ANUGERAH

Malaysia yang sedang pesat mengalami proses pembangunan dan urbanisasi sebagai sebuah negara maju, juga tidak ketinggalan menyediakan persekitaran kehidupan yang *vibrant* untuk kesejahteraan hidup rakyat. Salah satu aspek penting dalam pembentukan sebuah bandar yang berdaya huni adalah penyediaan kawasan hijau dan ruang luar (*outdoor living spaces*) yang selesa, selamat dan indah yang dapat memberikan ketenangan dan kerehatan minda kepada penghuni bandar.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JLN, KPKT) yang telah dipertanggungjawabkan dalam kawal selia pembangunan landskap bertanggungjawab untuk memastikan kecemerlangan dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap untuk mencapai persekitaran kehidupan yang berkualiti, mampan, berdaya tahan (*resilient*) dan beridentitikan Malaysia.

Matlamat ini diterjemahkan melalui penyediaan kawasan hijau yang terdiri daripada taman-taman awam, landskap perbandaran, taman poket dan menambahbaik kemudahan landskap di kawasan penempatan. Tindakan yang serupa turut dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, PBT dan pemaju.

Sebuah taman awam dan kawasan hijau yang berkualiti dan mencapai kemampanan akan memberi manfaat dan impak positif dalam aspek rekreasi, psikologi, interaksi sosial, keindahan, kelestarian alam sekitar, pendidikan dan ekonomi serta menyokong kepada ekosistem perbandaran yang menyeluruh bagi kesejahteraan rakyat.

1.0 PENGENALAN

Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam ini akan memberi penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi penyediaannya dalam aspek rekreasi, alam sekitar, budaya, sosial dan ekonomi serta menyumbang kepada pembentukan identiti setempat dan kesejahteraan hidup masyarakat. Di mana, taman awam dan kawasan hijau yang inklusif akan memastikan komuniti mendapat kemudahan rekreasi awam yang berkualiti dan menyumbang kepada kesejahteraan hidup rakyat.

Perlaksanaan anugerah ini akan menggalakkan semua pihak yang berkepentingan iaitu PBT, pemaju, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti bekerjasama bagi mencapai matlamat penyediaan taman awam dan kawasan hijau yang berkualiti. Selain itu, pelaksanaan anugerah ini akan memperkukuhkan peranan dan fungsi JLN dan KPKT selaras dengan misi untuk memastikan pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi pembentukan sebuah bandar yang berdaya huni selari dengan aspirasi negara dan protokol antarabangsa.



A photograph of children playing on a playground structure. A boy in a red shirt is hanging from a horizontal bar, smiling. A girl in a red shirt is climbing a vertical pole. The background shows a grassy field, trees, and a blue sky with white clouds.

02 MEKANISMA PELAKSANAAN ANUGERAH

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

TAMAN BUKIT KEMUNING, SHAH ALAM, SELANGOR

MEKANISMA PERLAKSANAAN ANUGERAH

A. KELAYAKAN

PBT, jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang membangun dan/atau menguruskan taman awam dan kawasan hijau.

Taman awam dan kawasan hijau daripada kategori Taman Kejiranan yang mempunyai keluasan melebihi 2.0 hektar (ha) hingga ke kategori Taman Persekutuan /Taman Wilayah/Taman Negeri berdasarkan Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang seperti di **Jadual 1** adalah layak untuk menyertai.



Jadual 1: Hierarki Kawasan Lapang

Hierarki		Keluasan
1	Taman Nasional/Negara	Tiada had/Mengikut Keperluan
2	Taman Persekutuan/Taman Wilayah/Taman Negeri	Minimum 10.0 hektar
3	Taman Bandaran/Taman Tempatan	Minimum 5.0 hektar
4	Taman Kejiranan	Minimum 1.0 hektar
5	Taman Permainan/Laman Permainan	Minimum 0.1 hektar

*Sumber: Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, PLANMalaysia (2021)

- Hierarki Taman yang layak menyertai anugerah
- Hierarki Taman yang tidak layak menyertai anugerah

B. PERMOHONAN

PBT/Jabatan/Agensi dan Pemaju yang berminat untuk menyertai Anugerah Rosa-sinesis – Penarafan Taman Awam perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- ❖ Pemohon mengisi **borang permohonan** yang dimuat turun **daripada laman web JLN**.
- ❖ Borang permohonan berserta dokumen sokongan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara untuk pendaftaran.
- ❖ Bagi pemaju perumahan, permohonan dimohon dan dikemukakan secara terus kepada JLN tanpa perlu melalui PBT.
- ❖ Permohonan dibuka sepanjang tahun, namun auditan hanya akan dilaksanakan satu (1) kali setahun.
- ❖ Pencalonan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dihubungi untuk proses auditan.

C. PENGAUDITAN

Auditan akan dilaksanakan di tapak melibatkan **dua (2) peringkat auditan**.

PERINGKAT 1 AUDIT DOKUMEN

- ❖ **Audit Dokumen** akan menilai keberkesanan pentadbiran dan pengurusan taman meliputi aspek personel, komunikasi penglibatan komuniti serta aktiviti pendidikan dan *outreach* merangkumi **4 Seksyen** seperti di **Jadual 2: Skop Audit Dokumen**.
- ❖ **Markah** bagi **Audit Dokumen** adalah sebanyak **15%**.
- ❖ Perincian Skop Audit Dokumen seperti di **BAHAGIAN 3: SKOP AUDIT DOKUMEN**.

PERINGKAT 2 AUDIT FIZIKAL

- ❖ **Audit Fizikal** akan menilai keseluruhan aspek fizikal dalaman dan luaran taman dan kawasan hijau merangkumi **8 Seksyen** seperti di **Jadual 3: Skop Audit Fizikal**.
- ❖ **Markah** bagi **Audit Fizikal** adalah sebanyak **85%**.
- ❖ Perincian Skop Audit Fizikal seperti di **BAHAGIAN 3: SKOP AUDIT FIZIKAL**.

Jadual 2 : Skop Audit Dokumen

Seksyen 1: Maklumat Taman

- ❖ Maklumat am taman dan kawasan landskap.

Seksyen 2: Organisasi dan Komunikasi

- ❖ Menilai struktur organisasi pengurusan dan bagaimana pihak pengurusan mempromosikan taman.

Seksyen 3: Perancangan dan Pengurusan Taman

- ❖ Menilai perancangan tapak dan reka bentuk yang menitikberatkan aspek karakter landskap dan kepelbagaian biologi, penyediaan ruang untuk pelbagai aktiviti rekreasi, riadah dan interaksi sosial, reka bentuk sejagat dan *Crime Prevention Through Enviromental Design* (CPTED).
- ❖ Menilai dokumen Pelan Pengurusan Taman meliputi pengurusan keselamatan, pengguna taman, aktiviti rekreasi, pengurusan aset dan penjanaan pendapatan.
- ❖ Menilai dokumen penyelenggaraan taman meliputi aspek:
 - ❖ Penyelenggaraan kebersihan
 - ❖ Penyelenggaraan hortikultur
 - ❖ Penyelenggaraan arborikultur
 - ❖ Penyelenggaraan kemudahan rekreasi
 - ❖ Penyelenggaraan infrastruktur dan utiliti
 - ❖ Lain-lain penyelenggaraan
- ❖ Menilai inovasi dan inisiatif hijau dalam reka bentuk, pembangunan dan pengurusan taman, pembuatan kompos dari sisa taman, penuaian dan penggunaan air hujan.

Seksyen 4: Komuniti, Pendidikan dan Outreach

- ❖ Menilai penglibatan komuniti pada peringkat perancangan, operasi dan pengurusan taman.
- ❖ Menilai elemen pendidikan dan pembelajaran yang diterapkan dalam reka bentuk dan aktiviti taman.
- ❖ Menilai inisiatif kerjasama, *Corporat Social Responsible* (CSR) dan aktiviti outreach yang dilaksanakan.

Jadual 3: Skop Audit Fizikal

Seksyen 1: Kemudahsampaian

- ❖ Menilai aspek kemudahsampaian pengguna ke taman, akses yang baik dan selamat serta suasana mengalu-alukan (*sense of welcoming*).

Seksyen 2: Kemudahan Rekreasi dan Aktiviti

- ❖ Menilai kebolegunaan dan kualiti ruang dan kemudahan rekreasi yang disediakan seperti peralatan permainan kanak-kanak, padang berumput, dataran kejut dan laluan pejalan kaki memenuhi keperluan rekreasi pengguna.

Seksyen 3: Fasiliti dan Kualiti Taman

- ❖ Menilai kebolegunaan dan kualiti fasiliti taman seperti tandas, kerusi, pencahayaan dan tempat letak kereta.

Seksyen 4: Penyelenggaraan dan Kebersihan Taman

- ❖ Menilai outcome daripada aktiviti penyelenggaraan yang dilaksanakan meliputi penyelenggaraan hortikultur hiasan, arborikultur (pokok teduhan dan palma), penyelenggaraan kawasan dan pengurusan sisa.

Seksyen 5: Keselamatan Pengguna

- ❖ Menilai aspek keselamatan yang telah diambil oleh pihak pengurusan untuk menjamin keselamatan pengguna.

Seksyen 6: Kelestarian Alam Sekitar

- ❖ Menilai tindakan-tindakan pengurusan dan penyelenggaraan landskap yang dilaksanakan bagi menjamin kelestarian kawasan taman sebagai sebahagian daripada ekosistem dan habitat perbandaran yang menyeluruh.

Jadual 3: Skop Audit Fizikal

Seksyen 7: Pemuliharaan Landskap, Biodiversiti dan Pendidikan

- ❖ Menilai tindakan-tindakan pada peringkat reka bentuk, pembangunan dan pengurusan taman bagi menjamin:
- ❖ Pemuliharaan aset dan karakter landskap semulajadi tapak.
- ❖ Kepelbagaian spesies tumbuhan landskap dengan memberi keutamaan kepada tumbuhan asal tapak (*native plant*).
- ❖ Taman dan kawasan hijau membentuk jaringan koridor habitat flora dan fauna.
- ❖ Elemen pendidikan diterap dan dilaksanakan.

Seksyen 8: *Outcome*

- ❖ Menilai keseluruhan *outcome* penyediaan taman awam dan kawasan hijau bagi memenuhi keperluan rekreasi awam, kelestarian alam sekitar dan pemuliharaan karakter landskap.
- ❖ Mendapatkan pandangan awam dan pengguna berkaitan penyediaan taman dan kawasan hijau adakah memenuhi fungsi penyediaan dari aspek rekreasi, alam sekitar, budaya, sosial dan ekonomi serta menyumbang kepada pembentukan identiti setempat dan kesejahteraan hidup masyarakat.

D . PENARAFAN

Markah keseluruhan audit adalah 100%. Markah diterjemahkan dalam penarafan (*rating*) bilangan Bunga Raya mengikut penanda aras (*band scores*) yang dinamakan **Amalan Terbaik Anugerah Rosa-sinensis (ATAR)** seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Penanda Aras dan Penarafan Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam

PENANDA ARAS	PENARAFAN
<u>ATAR1</u> 60 – 70	
<u>ATAR2</u> 71 – 75	
<u>ATAR3</u> 76 – 80	
<u>ATAR4</u> 81 – 85	
<u>ATAR5</u> >85	

E . PENGIKTIRAFAN

Taman dan kawasan landskap yang mendapat penanda aras ATAR1 hingga ATAR5 akan diberikan pengiktirafan seperti dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Pengiktirafan Anugerah Rosa - sinensis - Penarafan Taman Awam

PENARAFAN	PENGIKTIRAFAN
	Surat Penghargaan
	Surat Penghargaan
	Sijil Pengiktirafan
	Sijil Pengiktirafan
	Sijil Pengiktirafan dan Piala

F . AUDIT SEMULA

- ❖ Taman yang telah diaudit pada tahun semasa boleh memohon untuk auditan semula pada tahun berikutnya bagi tujuan menaikkan penanda aras.
- ❖ Taman yang mendapat ATAR5, auditan semula akan dilakukan pada tahun berikutnya bagi memastikan kualiti taman dikekalkan.
- ❖ Taman yang mendapat ATAR5, jika selepas auditan semula didapati penanda aras menurun, pihak pengurusan taman diberi tempoh 3 bulan untuk meningkatkan kualiti ke tahap yang sepatutnya.
- ❖ Kegagalan meningkatkan kualiti selepas tempoh diberikan, Jabatan akan mengeluarkan surat pelucutan pengiktirafan dan pemberitahuan melalui laman web dan media sosial Jabatan akan dilakukan.

G . AUDITOR

Auditor terdiri daripada kakitangan Jabatan Landskap Negara dan jabatan/agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diberikan latihan untuk melaksanakan kerja-kerja auditan.

Peranan auditor:

- ❖ Melaksanakan auditan.
- ❖ Menyediakan laporan audit.
- ❖ Membentangkan dapatan audit kepada Jawatankuasa Teknikal.
- ❖ Mengesyorkan cadangan penambahbaikan kepada skop audit.



H . ORGANISASI PENTADBIR ANUGERAH

Perlaksanaan anugerah ditadbir oleh jawatankuasa yang dibentuk pada peringkat Jabatan dan melibatkan jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan. Organisasi pentadbir anugerah terdiri daripada Sekretariat, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Penarafan.



1 SEKRETARIAT

Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara

Peranan

Skop Tugas	Butiran Tugas
Sebaran dan Promosi	❖ Melaksanakan aktiviti pemakluman, sebaran, hebahan dan promosi kepada pihak-pihak yang berkepentingan melalui surat, laman web dan media sosial jabatan.
Pra-Audit	❖ Mengurus permohonan dan pemakluman kepada pemohon. ❖ Mengurus jadual audit dan auditor.
Semasa Audit	❖ Memantau pelaksanaan auditan. ❖ Penghubung antara auditor dan pihak yang diaudit.
Pasca-Audit	❖ Menyelaras pembentangan auditor ke Jawatankuasa Teknikal. ❖ Menyelaras markah auditan. ❖ Membenteng keputusan audit ke Jawatankuasa Penarafan. ❖ Memaklumkan keputusan audit kepada pemohon. ❖ Mengurus pengiktirafan anugerah kepada pemohon. ❖ Mengurus proses auditan semula.

2 JAWATANKUASA TEKNIKAL

Peranan

- ❖ Menilai keputusan audit yang dilaksana oleh auditor.
- ❖ Mengesyorkan pengiktirafan kepada Jawatankuasa Penarafan.
- ❖ Mengesyorkan cadangan penambahbaikan kepada skop audit.

Keanggotaan

Portfolio	Ahli Jawatankuasa
Pengerusi	Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Landskap Negara
Setiausaha	Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan Jabatan Landskap Negara
Ahli	Pengarah, Bahagian Taman Awam, JLN
	Pengarah, Bahagian Pembangunan Landskap, JLN
	Pengarah, Bahagian Khidmat Teknikal, JLN
	Pengarah, Bahagian Pengurusan Landskap, JLN
	Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat, JLN
	Pegawai Perancang Bandar dan Desa, JLN
	Jurutera Awam, Bahagian Khidmat Teknikal, JLN
	Pegawai Pertanian, Bahagian Taman Persekutuan, JLN
	PLANMalaysia
	Jabatan Kerajaan Tempatan

2.0 MEKANISMA PELAKSANAAN ANUGERAH

3 JAWATANKUASA PENARAFAN

Peranan

- ❖ Meluluskan pengiktirafan anugerah yang disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- ❖ Melucutkan pengiktirafan anugerah kepada taman, PBT dan pemaju yang gagal mengekalkan penarafan.
- ❖ Mengesyorkan cadangan penambahbaikan kepada skop audit.

Keanggotaan

Portfolio	Ahli Jawatankuasa
Pengerusi	Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara
Setiausaha	Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan Jabatan Landskap Negara
Ahli	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JLN
	Setiausaha Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau, KPKT
	Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti, KPKT
	Jabatan Kerajaan Tempatan
	Jabatan Alam Sekitar
	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
	Universiti Putra Malaysia (UPM)
	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
	Universiti Sains Malaysia (USM)
	Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM)
	Persatuan Arborist Malaysia (PARM)
	<i>Playground Safety Association of Malaysia (PSAM)</i>

- Keanggotaan Ahli Jawatankuasa Penarafan akan ditambah mengikut keperluan.

03 SKOP AUDIT

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

GAMUDA COVE

SKOP
AUDIT DOKUMEN

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

SKOP AUDIT DOKUMEN

Audit Dokumen Anugerah Rosa-sinensis - Penarafan Taman Awam dilaksanakan bertujuan untuk **menilai keberkesanan pentadbiran dan pengurusan taman meliputi aspek personel, komunikasi penglibatan komuniti serta aktiviti pendidikan dan outreach.**

Audit Dokumen juga akan menilai pelan-pelan perancangan dan reka bentuk serta dokumen pengurusan taman yang perlu disediakan sebelum dilaksana secara fizikal di tapak. Pihak pengurusan taman perlu menyediakan dokumen-dokumen berkaitan untuk semakan auditor dan membuat pembentangan untuk menjelaskan perancangan, reka bentuk dan pengurusan taman awam yang diaudit.

Skop Audit Dokumen terdiri daripada 4 Seksyen utama iaitu:

- ❖ Seksyen 1: Maklumat Taman
- ❖ Seksyen 2: Organisasi dan Komunikasi
- ❖ Seksyen 3: Perancangan dan Pengurusan
- ❖ Seksyen 4: Komuniti dan Outreach

PROSES AUDIT DOKUMEN

AUDIT DOKUMEN

PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN AUDITOR

- Pelan perancangan dan reka bentuk
- Dokumen pengurusan taman dll

AUDIT DOKUMEN

SESI PEMBENTANGAN KEPADA AUDITOR

- Slaid pembentangan
- Tempoh pembentangan : 30-45 minit

SEKSYEN 1

MAKLUMAT TAMAN

Seksyen ini mengenal pasti maklumat am taman seperti nama, alamat, nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Jabatan / Agensi / pemaju yang mengurus taman, keluasan dan kategori taman mengikut hierarki kawasan lapang.



SEKSYEN 2

ORGANISASI DAN KOMUNIKASI

Seksyen ini menilai organisasi pengurusan dan bagaimana pihak pengurusan mempromosikan taman. Bagi setiap taman, pemohon akan membuat pembentangan yang bertujuan menjelaskan perkara-perkara berkaitan :-

1. Organisasi Pengurusan

Dinilai dalam tiga (3) aspek iaitu:-

- ❖ Organisasi pengurusan taman dan kawasan hijau.
- ❖ Organisasi penyelenggaraan taman dan kawasan hijau sama ada secara *in-house* atau *outsourced*.
- ❖ Kelayakan dan pengalaman *personel* yang mengurus dan menyelenggara taman dan kawasan hijau.

2. Komunikasi dan Promosi

Bagi komunikasi dan promosi, penilaian dari segi:

- ❖ Keberkesanan kaedah promosi yang dilaksanakan.
- ❖ Liputan media yang positif.
- ❖ Tahap boleh akses orang awam kepada kalendar program, aktiviti, perhubungan dan mendapatkan maklumat daripada pengurus taman.

Antara kaedah sesebuah organisasi berupaya untuk mempunyai komunikasi dan promosi yang baik adalah dengan cara memahami sepenuhnya konteks taman dan mengenengahkan potensi taman melalui pengenalan kumpulan sasaran pengguna, kaedah atau platform terbaik dalam mendapatkan komunikasi dua hala antara organisasi taman - pengguna. Perkara-perkara ini sebaiknya menjadi asas kepada hala tuju dalam operasi semasa dan perancangan taman pada masa hadapan.

SEKSYEN 3

PERANCANGAN DAN PENGURUSAN TAMAN

Taman yang berkualiti perlu mempunyai perancangan dan pengurusan yang sistematik dan strategik bagi membolehkan matlamat dan objektif pembinaan taman tercapai. Penelitian dalam peringkat perancangan dan pengurusan taman membolehkan taman berfungsi mengikut tujuan pembinaannya dan mapan.

Seksyen ini mengukur keberkesanan perancangan pengurusan taman yang dilaksanakan. Taman awam kebiasaannya menjadi satu portfolio yang signifikan bagi mewakili satu-satu organisasi, maka seharusnya diurus secara profesional. Oleh itu Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam menilai pelan pengurusan taman yang komprehensif berdasarkan kepada pemahaman yang mendalam terhadap komuniti, penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dan keperluan peruntukan bagi menyelenggara taman untuk keperluan semasa dan masa hadapan.

Empat (4) aspek akan dinilai iaitu:-

1. Perancangan dan Reka bentuk Taman

- ❖ Kedudukan, lokasi dan kemudahsampaian (*accessibility*) taman terletak dalam kawasan tadahan pengguna yang akan mempengaruhi bilangan pengunjung ke taman.
- ❖ Menilai aspek perancangan tapak dan reka bentuk yang menitikberatkan aspek pengekalan karakter landskap dan kepelbagaian biologi, penyediaan ruang untuk pelbagai aktiviti rekreasi, riadah dan interaksi sosial.
- ❖ Pembangunan taman menerapkan reka bentuk sejagat dan *Crime Prevention Through Enviromental Design* (CPTED).



2. Pelan Pengurusan Taman

- ❖ Menilai dokumen Pelan Pengurusan Taman yang meliputi pengurusan keselamatan seperti perkhidmatan kawalan keselamatan dan tindakan keselamatan semasa kecemasan/bencana.
- ❖ Menilai aspek pengurusan pengguna seperti permohonan penggunaan taman dan aduan. Mewujudkan SOP yang jelas dan piagam pelanggan dapat membantu sesebuah organisasi mencapai sistem penyampaian yang berkesan dan perkhidmatan yang memuaskan hati semua pihak.
- ❖ Menilai aspek pengurusan aktiviti rekreasi, pendidikan, *outreach*, penyelidikan dan sebagainya.
- ❖ Menilai pengurusan aset dan sumber seperti inventori aset, penggantian, penyelenggaraan aset dan lain-lain.
- ❖ Menilai aspek pengurusan ekonomi seperti penajaan pendapatan untuk taman serta perancangan ke arah mencapai *self-sustained*.



3. Penyelenggaraan Taman

Penyelenggaraan taman meliputi penyelenggaraan kebersihan, hortikultur, arborikultur, kemudahan rekreasi, infrastruktur dan utiliti serta lain-lain penyelenggaraan yang berkaitan. Penilaian memfokuskan kepada aspek :-

- ❖ Kerja penyelenggaraan didokumenkan dalam bentuk spesifikasi dan arahan kerja.
- ❖ Pemantauan prestasi kerja penyelenggaraan didokumenkan bagi tujuan memudahkan operasi dan penambahbaikan terhadap kerja dan sistem.
- ❖ Kaedah dan teknik penyelenggaraan berpandukan amalan terbaik semasa. Contohnya merujuk kepada piawaian dan manual yang diterbitkan oleh Jabatan Landskap Negara

4. Inovasi dan Inisiatif Hijau

- ❖ Menilai aspek inovasi dan inisiatif hijau dalam reka bentuk, pembangunan dan pengurusan taman. Sebagai contoh, pembuatan kompos daripada sisa taman, penggunaan bahan kitar semula dalam pembinaan, sistem penyuapan air hujan (SPA), pembinaan yang mengurangkan kesan *urban heat island* (UHI), penanaman spesies pokok yang tinggi daya serapan karbon dioksida (CO²), aplikasi menggunakan peranti/mobile dan sebagainya.

SEKSYEN 4

KOMUNITI, PENDIDIKAN DAN OUTREACH

Taman awam menyediakan ruang untuk masyarakat berhubung dan berinteraksi dalam persekitaran yang kondusif. Taman turut menyediakan platform penglibatan komuniti yang positif melalui kerjasama daripada pelbagai profil dan latar belakang masyarakat ke arah mencapai matlamat yang sama. Penglibatan komuniti merupakan satu proses melaksanakan aktiviti sukarelawan secara kolaboratif dan spesifik. Seksyen ini menilai dua (2) aspek iaitu:-

1. Penglibatan Komuniti

- ❖ Komuniti dilibatkan pada peringkat perancangan, reka bentuk dan pengurusan taman melalui mesyuarat, *engagement*, *focus group discussion* (FGD) dan sebagainya.
- ❖ Komuniti terlibat dalam program dan aktiviti gotong-royong pembersihan, penyelenggaraan, penanaman pokok dan sebagainya.
- ❖ Komuniti mengerak, mengurus dan melaksana pelbagai aktiviti rekreasi, kebun komuniti dan sebagainya.
- ❖ Komuniti menubuhkan *Community-based Organisation* (CBO) dan berdaftar dengan PBT seperti Rakan Taman untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab mengurus dan menyelenggara taman.

2. Jaringan Kerjasama dan Outreach

- ❖ Inisiatif organisasi mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menjadikan taman dan kawasan hijau sebagai tempat pembelajaran, pendidikan, penyelidikan dan sebagainya.
- ❖ Sumbangan *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk meningkatkan kemudahan rekreasi, fasiliti, aktiviti dan keselamatan taman.
- ❖ Inisiatif menjadikan taman dan kawasan hijau sebagai tempat (*venue*) program dan aktiviti *outreach*.



SKOP
AUDIT FIZIKAL

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

SKOP AUDIT FIZIKAL

Audit Fizikal Anugerah Rosa-sinensis - Penarafan Taman Awam dilaksanakan bertujuan untuk **menilai keseluruhan aspek fizikal dalaman dan luaran taman dan kawasan hijau**. Auditor akan membuat auditan di tapak melalui kaedah pemerhatian, pengujian dan sesi pertanyaan kepada pihak pengurusan taman, pengguna dan orang awam.

Audit akan diadakan pada waktu berbeza iaitu pagi dan petang di mana tahap penggunaan taman adalah tinggi selain pada waktu malam bagi menilai aspek keselamatan dan pencahayaan.

Penilaian juga akan meliputi amalan penyelenggaraan dan kebersihan taman yang merujuk kepada Pelan Pengurusan Taman dan spesifikasi penyelenggaraan taman yang disediakan.

Skop Audit Fizikal terdiri daripada 8 Seksyen utama iaitu:

- ❖ Seksyen 1: Kemudahsampaian
- ❖ Seksyen 2: Kemudahan Rekreasi dan Aktiviti
- ❖ Seksyen 3: Fasiliti dan Kualiti Taman
- ❖ Seksyen 4: Penyelenggaraan dan Kebersihan Taman
- ❖ Seksyen 5: Keselamatan Pengguna
- ❖ Seksyen 6: Kelestarian Alam Sekitar
- ❖ Seksyen 7: Pemuliharaan Landskap, Biodiversiti dan Pendidikan
- ❖ Seksyen 8: *Outcome*

PROSES AUDIT FIZIKAL

KAEDAH

- Pemerhatian
- Pengujian
- Sesi pertanyaan kepada pihak pengurusan taman, pengguna dan orang awam

SESI LAWATAN TAPAK

- Pagi/petang – Tahap penggunaan taman/penyelenggaraan dan kebersihan taman
- Malam – Aspek keselamatan dan pencahayaan

AUDIT FIZIKAL

AUDIT FIZIKAL

SEKSYEN 1

KEMUDAHSAMPAIAN

Visual taman yang menarik, mempunyai pelbagai kemudahan, pengurusan dan penyelenggaraan yang teratur serta penyediaan kemudahan akses yang baik memberi gambaran sebuah taman yang dirancang dan diurus dengan baik. Pengguna taman yang sentiasa kembali mengunjungi taman menunjukkan taman tersebut berjaya menyediakan ruang rekreasi yang berfungsi, memberi keselesaan dan keseronokan kepada mereka. Terdapat tiga (3) aspek utama yang dinilai iaitu:

1. Kemudahsampaian
2. Akses yang baik dan selamat
3. Suasana mengalu-alukan (*sense of welcoming*)

1. Kemudahsampaian

Sebuah taman yang kerap dikunjungi wajar terletak di lokasi yang mudah dicari melalui medium perhubungan dan senang diakses melalui semua medium pengangkutan sama ada kereta, basikal, pengangkutan awam atau berjalan kaki. Penilaian terhadap aspek kemudahsampaian pengguna akan mengambilkira perkara berikut :

- ❖ Penyediaan peta lokasi taman boleh diperolehi di mana-mana saluran/media seperti *google maps* dan lain-lain.
- ❖ Taman mudah dicari di lokasi yang dinyatakan.
- ❖ Kedudukan taman dalam lingkungan berjalan kaki dari penempatan terdekat.
- ❖ Taman mudah diakses iaitu terdapat pintu-pintu masuk yang mencukupi.

2. Akses Yang Baik dan Selamat

Taman yang selesa dikunjungi perlu mempunyai laluan masuk yang mudah diakses oleh semua golongan pengguna selain berupaya bergerak dengan lancar di dalam taman. Ini termasuk penyediaan laluan pejalan kaki, laluan basikal, papan tanda keselamatan, hentian pengangkutan awam yang berdekatan selain penyediaan reka bentuk mengikut prinsip reka bentuk sejagat (*universal design*) dan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Penyediaan akses yang baik dan selamat di taman awam merujuk kepada perkara berikut:

- ❖ Laluan pejalan kaki yang menghubungkan kawasan sekitar dengan taman - boleh digunakan dengan selesa, mempunyai kelebaran mengikut piawaian, disediakan *ramp* serta direka bentuk mengikut prinsip reka bentuk sejagat dan CPTED.
- ❖ Laluan basikal yang menuju ke taman - boleh digunakan dengan selamat, mempunyai kelebaran mengikut piawaian serta direka bentuk mengikut prinsip reka bentuk sejagat dan CPTED.
- ❖ Papan tanda trafik seperti lintasan pejalan kaki (*zebra crossing*), orang berjalan kaki dan laluan basikal sebagai pemberitahuan kepada orang berkenderaan untuk berhati-hati bagi menjamin keselamatan pengguna taman.
- ❖ Hentian pengangkutan awam (bas/komuter/LRT) dalam jarak berjalan kaki dari mana-mana bahagian dalam taman.
- ❖ Kemudahan untuk OKU seperti laluan pejalan kaki mengikut piawaian dan prinsip reka bentuk sejagat dan CPTED.

3. Suasana Mengalu-alukan (*sense of welcoming*)

Apabila pengunjung mengunjungi taman, sudah pasti mereka mengharapkan suasana yang menarik, terdapat perbezaan konsep reka bentuk daripada taman yang lain, berupaya menonjolkan unsur-unsur keunikan tersendiri dari segi pemilihan tanaman mahupun reka bentuk taman dan mempunyai semua kemudahan yang diperlukan pengunjung. Pengunjung juga akan berasa selesa jika taman tersebut bersih, indah dan terjaga. Suasana mengalu-alukan (*sense of welcoming*) ini dapat diterjemahkan melalui aspek berikut:

- ❖ Pintu-pintu masuk mempunyai karakter dan kualiti visual yang menarik.
- ❖ Pintu-pintu masuk mempunyai *entrance statement/signature* yang mewujudkan suasana mengalu-alukan (*sense of welcoming*) sama ada dari segi reka bentuk, pencahayaan dan lain-lain.
- ❖ Papan tanda taman yang informatif meliputi elemen nama taman, waktu operasi, peta lokasi, peraturan taman, personel/organisasi pengurusan untuk dihubungi dan informasi hebahkan.
- ❖ Reka bentuk dan pembinaan pintu-pintu masuk berdasarkan reka bentuk sejagat dan CPTED.
- ❖ Kemudahan interaktif seperti kiosk maklumat, *smart park system* dan lain-lain disediakan.



SEKSYEN 2

KEMUDAHAN REKREASI DAN AKTIVITI

Antara tujuan utama pengguna mengunjungi taman awam pastinya untuk melakukan aktiviti rekreasi. Seksyen ini melihat bagaimana sesebuah taman awam memenuhi keperluan pengguna sebagai platform dalam menjalankan aktiviti riadah dan rekreasi. Adakah kemudahan rekreasi yang disediakan memberi keseronokan kepada pengguna dalam menjalani gaya hidup sihat, berasa selamat dan terjamin untuk digunakan dan berfungsi dengan baik. Seksyen ini memfokuskan kebolegunaan dan kualiti ruang dan kemudahan rekreasi yang disediakan bagi memenuhi keperluan rekreasi pengguna. Terdapat tujuh (7) aspek utama yang dinilai iaitu:

1. **Alat Permainan Kanak-Kanak (*Children Playground - CPG*)**
2. **Alat Senam Riang (*Fitness Station - FS*)**
3. **Laluan Pejalan Kaki/Denai**
4. **Dataran Kejat**
5. **Badan Air (Kolam/Tasik)**
6. **Gelanggang Sukan**
7. **Kemudahan Rekreasi Mencukupi dan Berkualiti**

1. Alat Permainan Kanak-Kanak (*Children Playground - CPG*)

Semua kemudahan yang disediakan hendaklah menarik dan berfungsi dengan baik serta memenuhi keperluan pengguna. Salah satu kemudahan rekreasi yang sentiasa disediakan di taman awam untuk menarik minat kanak-kanak adalah alat permainan kanak-kanak. Kemudahan ini kerap digunakan dan akan menyebabkan komponennya cepat rosak, sekaligus akan mendatangkan ancaman keselamatan kepada kanak-kanak. Justeru, kemudahan ini harus memenuhi piawaian yang ditetapkan seperti berikut:

- ❖ Reka bentuk dan pemasangan CPG memenuhi MS966:2017, MS2665-1:2017 & MS2665-2:2017.
- ❖ Reka bentuk CPG yang menarik dan unik.
- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Reka bentuk, pemilihan tapak, pengurusan dan penyelenggaraan menitikberatkan keselamatan pengguna.



2. Alat Senam Riang (*Fitness Station - FS*)

Analisis pengguna dalam menggunakan taman awam dan kawasan hijau harus ditekankan bagi memastikan penyediaan kemudahan rekreasi terutama alat senam riang mengikut keperluan kapasiti pengguna taman dan diletakkan di kawasan yang strategik. Ini bagi memastikan ianya dapat digunakan dengan selesa dan selamat. Penyediaan alat senam riang di taman awam perlu mengambil kira perkara berikut:

- ❖ Reka bentuk yang menarik dan unik.
- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Pemilihan tapak, pengurusan dan penyelenggaraan menitikberatkan keselamatan pengguna.



3. Laluan Pejalan Kaki/Denai

Penyediaan laluan pejalan kaki/denai amat penting sebagai jaringan akses pengguna ke setiap kawasan dalam taman awam. Reka bentuk kemudahan ini perlu mengikut piawaian dan prinsip reka bentuk sejagat bagi memastikan ianya digunakan secara optimum. Kemudahan ini juga harus memenuhi keperluan semua golongan pengguna sama ada sebagai laluan pejalan kaki, laluan berbasikal mahu pun penggunaan kerusi roda. Antara aspek yang perlu diambilkira dalam penyediaan laluan pejalan kaki/denai adalah seperti berikut:

- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Pembinaan mengikut piawaian, prinsip reka bentuk sejagat dan CPTED.
- ❖ Reka bentuk yang menarik dan unik.
- ❖ Disediakan/ada pemisah dengan laluan basikal.
- ❖ Bersambung antara kawasan-kawasan aktiviti dalam taman.
- ❖ Disediakan kerusi sepanjang laluan pejalan kaki pada jarak yang munasabah.
- ❖ Terdapat pencahayaan yang mencukupi.
- ❖ Pengurusan dan penyelenggaraan yang menitikberatkan keselamatan pengguna.

4. Dataran Kejat

Dataran kejut adalah kawasan berturap seperti jalan, kawasan tempat letak kenderaan, plaza, dataran dan lain-lain. Dari segi skop kemudahan rekreasi dan aktiviti, dataran kejut adalah kawasan plaza, dataran, platform atau lain-lain kawasan berturap yang boleh digunakan bagi tujuan aktiviti rekreasi. Pembinaan dataran kejut perlu mengambilkira aspek berikut:

- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Reka bentuk menarik dan unik.
- ❖ Pembinaan mengikut piawaian, prinsip reka bentuk sejagat dan CPTED.

5. Badan Air (Kolam/Tasik)

Lazimnya taman awam dan kawasan hijau mempunyai badan air seperti kolam dan tasik. Badan air yang wujud sama ada secara semula jadi atau buatan manusia perlu diselenggara dengan baik supaya ianya dapat digunakan sepenuhnya mengikut fungsi penyediaan sama ada bagi tujuan menjalankan aktiviti rekreasi air, menonjolkan suasana tenang, menyejukkan persekitaran kawasan dan menghasilkan pemandangan menarik (air terjun/air pancut) atau lain-lain. Penggunaan badan air bagi tujuan aktiviti rekreasi air perlu menekankan ciri-ciri keselamatan terhadap pengguna. Selain itu juga, terdapat aspek lain yang perlu diambilkira seperti berikut:

- ❖ Mempunyai karakter dan visual yang menarik.
- ❖ Tiada bau yang tidak menyenangkan.
- ❖ Bersih - tiada dedaun yang ketara, kelodak, sampah.
- ❖ Terdapat papan tanda peraturan dan/atau amaran.
- ❖ Secara fizikal, ianya selamat untuk melaksanakan aktiviti air.



6. Gelanggang Sukan

Secara amnya, komponen kemudahan rekreasi dan aktiviti di taman awam dan kawasan hijau turut melibatkan penyediaan gelanggang sukan seperti gelanggang badminton, bola keranjang, sepak takraw atau gelanggang serba guna (*multi-purpose court*). Berikut adalah aspek yang perlu ditekankan bagi memastikan gelanggang sukan berkualiti dan berfungsi:


- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ reka bentuk yang menarik dan unik.
- ❖ Pembinaan mengikut piawaian, prinsip reka bentuk sejagat dan CPTED.
- ❖ Bersih dan rapi.



7. Kemudahan Rekreasi Mencukupi dan Berkualiti

Penyediaan kemudahan rekreasi yang mencukupi dan berkualiti adalah penting dalam membantu pengguna taman menjalani gaya hidup sihat secara optimum. Namun, terdapat beberapa aspek yang perlu diambilkira dalam memastikan reka bentuk dan bilangan kemudahan rekreasi yang disediakan memenuhi keperluan rekreasi pengguna:

- ❖ Penilaian keseluruhan sama ada kemudahan rekreasi yang disediakan mencukupi berbanding saiz taman dan bilangan pengguna.
- ❖ Penilaian keseluruhan sama ada kemudahan rekreasi yang disediakan berkualiti.
- ❖ Penilaian keseluruhan sama ada kemudahan rekreasi yang disedia dan diselenggara mengikut perancangan yang telah dinyatakan dalam Pelan Pengurusan Taman/polisi organisasi.



SEKSYEN 3

FASILITI DAN KUALITI TAMAN

Seksyen ini menilai kualiti dan kebolegunaan fasiliti asas yang terdapat di taman awam. Fasiliti taman yang dinilai adalah seperti berikut:

1. Tandas
2. Tempat Letak Kenderaan
3. Meja dan Kerusi Taman
4. Wakaf dan Struktur Berbumbung
5. Pencahayaan (Lampu Taman, *High mast* dan lain-lain)
6. Tong Sampah
7. Lain-Lain Fasiliti
8. Fasiliti Taman Mencukupi dan Berkualiti



1. Tandas

Tandas akan dinilai melibatkan aspek berikut:

- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Kebersihan tandas.
- ❖ Lokasi yang strategik dan selamat.
- ❖ Reka bentuk dan pembinaan tandas selaras dengan reka bentuk sejagat dan CPTED.

2. Tempat Letak Kenderaan

Tempat letak kenderaan akan dinilai melibatkan aspek berikut:

- ❖ Dirancang dengan baik dalam reka bentuk taman.
- ❖ Selesa digunakan.
- ❖ Lokasi yang strategik dan selamat.
- ❖ Reka bentuk dan pembinaan adalah selaras dengan reka bentuk sejagat dan CPTED.

3. Meja dan Kerusi Taman


Meja dan kerusi taman adalah salah satu fasiliti yang cepat kotor atau mudah rosak kerana kebiasaannya terletak di ruang terbuka atau kawasan lapang. Justeru, penyediaan meja dan kerusi taman yang berkualiti adalah penting bagi memastikan ianya dapat digunakan dengan selesa oleh pengguna taman. Aspek yang diambil kira dalam memastikan kebolegunaan fasiliti ini adalah seperti berikut:

- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Reka bentuk yang menarik dan unik.
- ❖ Pembinaan memenuhi piawaian serta mengikut prinsip reka bentuk sejagat.
- ❖ Bersih dan rapi - tidak kotor, pecah, patah, berkarat dan tidak mempunyai sudut tajam yang boleh membahayakan pengguna taman.

4. Wakaf dan Struktur Berbumbung

Wakaf dan struktur berbumbung (termasuk gazebo, astaka, *tensile membrane* dan lain-lain) kebiasaannya digunakan sebagai tempat teduhan, ruang aktiviti dan kawasan rehat. Aspek yang akan dinilai terhadap komponen ini adalah seperti berikut:

- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Reka bentuk yang menarik dan unik.
- ❖ Pembinaan memenuhi piawaian serta mengikut prinsip reka bentuk sejagat.
- ❖ Bersih dan rapi - tidak kotor, pecah, patah, berkarat dan tidak mempunyai sudut tajam yang boleh membahayakan pengguna taman.



3.0 SKOP AUDIT - FIZIKAL

5. Pencahayaan (Lampu Taman, *High mast* dan lain-lain)


Pencahayaan penting bagi tujuan keselamatan pengguna dan menghasilkan visual taman yang menarik pada waktu malam. Sistem pencahayaan taman adalah termasuk lampu taman, lampu limpah (*high mast*) dan lain-lain. Penggunaan jenis lampu yang betul dan penyelenggaraan yang berkesan akan menjamin fungsi reka bentuk tercapai. Pemasangan tiang lampu dalam kawasan taman juga perlu dipastikan mengikut piawaian yang ditetapkan, kukuh dan tidak mudah dirosakkan. Aspek yang perlu diambilkira dalam skop ini adalah seperti berikut:

- ❖ Berfungsi.
- ❖ Mencahayakan kawasan taman dengan baik terutama di pintu masuk, tempat letak kenderaan, kawasan aktiviti, kawasan berisiko bencana/kemalangan seperti tepi badan air dan lain-lain.
- ❖ Selamat – di mana tiada bahagian sistem pencahayaan yang berisiko mendatangkan ancaman bencana/kemalangan.

6. Tong Sampah

Salah satu fasiliti yang sering dikaitkan dengan isu kebersihan taman adalah tong sampah. Taman awam dan kawasan hijau yang bersih dan indah, sudah pastinya menitikberatkan kerja-kerja penyelenggaraan yang terurus dan sistematik. Justeru, aspek yang perlu diambilkira dalam penyediaan tong sampah dalam kawasan taman awam adalah seperti berikut:

- ❖ Boleh digunakan/berfungsi.
- ❖ Tiada bau yang tidak menyenangkan.
- ❖ Perletakan tong sampah dalam kawasan tumpuan pengguna taman.
- ❖ Bersih dan rapi - tidak kotor, pecah, patah, berkarat dan tidak mempunyai sudut tajam yang boleh membahayakan pengguna taman.
- ❖ Sampah tidak melimpah keluar (*overflow*) – diurus dan diselenggara dengan baik.





7. Lain-Lain Fasiliti

Terdapat fasiliti lain yang turut dibina di dalam taman awam dan kawasan hijau seperti pentas terbuka/berbumbung, pagar keselamatan, pondok pengawal, surau, kiosk makanan, nurseri dan lain-lain fasiliti. Penyediaan fasiliti ini akan dinilai dari aspek berikut:

- ❖ Berfungsi dan selamat digunakan.
- ❖ Reka bentuk dan pembinaan selaras dengan reka bentuk sejagat dan CPTED.

8. Fasiliti Taman Mencukupi dan Berkualiti

Secara keseluruhannya, penyediaan fasiliti perlu mengambilkira aspek berikut:

- ❖ Penilaian keseluruhan sama ada fasiliti yang disediakan mencukupi berbanding saiz taman dan bilangan pengguna.
- ❖ Penilaian keseluruhan sama ada fasiliti yang disediakan berkualiti.
- ❖ Penilaian keseluruhan sama ada fasiliti taman yang disediakan dan diselenggara mengikut perancangan yang telah dinyatakan dalam Pelan Pengurusan Taman/polisi organisasi.

SEKSYEN 4

PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN TAMAN


Seksyen ini akan menilai *outcome* daripada aktiviti penyelenggaraan yang dilaksanakan meliputi penyelenggaraan hortikultur, arborikultur, penyelenggaraan kawasan dan pengurusan sisa. Terdapat lapan (8) aspek yang ditekankan dalam skop auditan fizikal bagi seksyen ini seperti berikut:

1. Penyelenggaraan Hortikultur Hiasan
2. Penyelenggaraan Arborikultur (Pokok Teduhan dan Palma)
3. Penyelenggaraan Kawasan
4. Kawasan Berumput/Padang
5. Bangunan (Pentadbiran, Nurseri, Pondok Pengawal dan lain-lain)
6. Pengurusan Sisa
7. Bebas Vandalisme
8. Tahap Kebersihan dan Penyelenggaraan Taman

1. Penyelenggaraan Hortikultur Hiasan

Hortikultur ialah salah satu cabang ilmu pertanian dengan tumpuan kepada penanaman tumbuhan makanan, perubatan dan estetik iaitu tanaman landskap dan hiasan. Penyelenggaraan hortikultur hiasan bertujuan untuk menyelenggara tanaman landskap merangkumi kerja-kerja merumpai, menggembur, menyiram, mencantas, memangkas, membaja, membersihkan kawasan, melupus pokok teduhan/tunggul pokok dan lain-lain. Perkara yang akan dinilai melalui aspek ini adalah seperti berikut:

- ❖ Pokok dan tumbuhan landskap sihat, segar dan mempamerkan karakter bagi spesies berkenaan.
- ❖ Batas, pasu dan kotak tanaman diselenggara dengan baik (bebas rumput, digembur dan lain-lain).
- ❖ Pokok renek, topiari dan pagaran dipangkas dengan rapi.
- ❖ Secara visual landskap lembut adalah cantik, rapi dan menenangkan.



2. Penyelenggaraan Arborikultur (Pokok Teduhan dan Palma)

Aspek penyelenggaraan arborikultur memfokuskan kepada penyelenggaraan pokok teduhan dan palma. Kerja-kerja penyelenggaraan arborikultur adalah penting bagi memastikan pokok dan palma tidak mendatangkan ancaman bahaya kepada keselamatan pengguna dan fasiliti taman. Perkara yang akan dinilai bagi aspek ini adalah seperti berikut:

- ❖ Pokok ditanam dan diselenggara dengan amalan terbaik.
- ❖ Tiada dahan pokok teduhan yang mati, patah dan sekah tergantung atas pokok.
- ❖ Tiada pelepah dan seludang palma yang kering dan rosak tergantung atas pokok.
- ❖ Pokok dipangkas dengan teknik yang betul.
- ❖ Tiada pokok yang condong, senget dan lain-lain keadaan merbahaya yang boleh mendatangkan risiko bencana.
- ❖ Tiada pokok secara fizikalnya rosak, cedera, berlubang, terdapat kehadiran perosak seperti anai-anai dan fungi body/fungi conk.
- ❖ Bagi pokok yang berisiko, ada tindakan tebatan dan pemberitahuan awam (*public notice*) dibuat.

3. Penyelenggaraan Kawasan

Pembangunan taman awam dan kawasan hijau yang berjaya memerlukan Pelan Pengurusan Taman yang menyediakan manual penyelenggaraan secara spesifik serta jadual pemeriksaan secara berkala. Ini bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Kerja penyelenggaraan kawasan merangkumi kerja-kerja kebersihan kawasan taman termasuk landskap kejur dan landskap lembut. Aspek penyelenggaraan kawasan yang akan dinilai adalah seperti berikut:

- ❖ Tiada sampah yang ketara jumlahnya dalam keseluruhan kawasan taman.
- ❖ Tiada permukaan berturap yang licin, berlumut dan berminyak yang boleh menyebabkan pengguna tergelincir.
- ❖ Tiada permukaan berturap, kemudahan dan fasiliti taman yang pecah, patah, berkarat dan tajam yang boleh melukakan dan mencederakan pengguna.
- ❖ Longkang, parit atau laluan air tidak dipenuhi sampah, tiada mendapan (*sediment*) dan tidak tersumbat.
- ❖ Kawasan khas seperti elemen air (*water features*), *toe wall* dan taman bertema (*thematic garden*) bersih, kemas dan rapi.
- ❖ Keseluruhan taman bersih, kemas dan rapi.



4. Kawasan Berumput/Padang

Kawasan berumput/padang menyediakan ruang bagi melaksanakan aktiviti riadah, sukan dan rekreasi. Kawasan berumput/padang yang berkualiti dan baik membolehkan aktiviti rekreasi dijalankan dengan selesa dan selamat. Selain itu, faktor pengurusan serta penyelenggaraan yang cekap turut mempengaruhi keadaan kawasan berumput/padang. Penilaian yang akan dilaksanakan terhadap kawasan berumput/padang adalah seperti berikut:

- ❖ Kualiti rumput yang baik - secara visual rumput kelihatan menghidu, segar dan tidak gondol.
- ❖ Boleh digunakan dengan selesa – permukaan yang rata (pertumbuhan rumput yang sekata), tidak bertakung air dan tiada halangan.
- ❖ Rapi - potongan rumput adalah sekata, tiada sampah/dedaun yang ketara.

5. Bangunan (Pentadbiran, Nurseri, Pondok Pengawal dan lain-lain)

Sesetengah taman awam yang ditadbir oleh pengurusan taman yang terancang dan mempunyai sumber pengurusan taman yang lengkap selalunya mempunyai fasiliti tambahan seperti bangunan pentadbiran, nurseri tanaman, pondok pengawal dan lain-lain. Justeru, kemudahan ini harus memenuhi standard audit yang ditetapkan seperti berikut:

- ❖ Boleh digunakan dengan selesa dan selamat.
- ❖ Reka bentuk menarik dan unik.
- ❖ Pembinaan memenuhi piawaian serta mengikut prinsip reka bentuk sejagat.
- ❖ Bersih dan rapi.

6. Pengurusan Sisa

Pengurusan sisa merujuk kepada kaedah menguruskan sisa taman seperti sampah dan sisa tumbuh-tumbuhan (rumput yang dipotong, daun gugur, pokok tumbang dan lain-lain) dengan betul. Bahan sisa yang bersifat organik seperti bahan sisa tumbuh-tumbuhan dapat dikitar semula dengan menggunakan proses pengomposan, seterusnya bahan organik yang dihasilkan kemudian dikitar semula menjadi sungkupan atau kompos tanaman. Manakala kitar semula (3R - *reuse, reduce, recycle*) merupakan satu kaedah dalam pengurusan sisa untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal. Penerapan amalan 3R dapat memupuk budaya mencintai alam sekitar, membantu mengurangkan pencemaran alam dan memelihara sumber alam semula jadi. Perkara yang akan dinilai untuk aspek ini adalah seperti berikut:

- ❖ Tiada sampah ditinggalkan dalam taman melebihi tempoh 1 hari.
- ❖ Pokok tumbang dibersihkan dalam tempoh tidak melebihi 1 hari.
- ❖ Terdapat inisiatif membuat kompos dari bahan sisa.
- ❖ Terdapat kebok kitar semula (3R) disediakan.
- ❖ Terdapat inisiatif dalam mengurangkan sisa seperti kempen kesedaran dan gotong royong.

7. Bebas Vandalisme

Terdapat segelintir pengunjung melakukan vandalisme dalam kawasan taman seperti menconteng serta merosakkan kemudahan dan fasiliti taman. Perbuatan tidak bertanggungjawab sesetengah individu yang merosakkan aset/harta benda taman ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengunjung yang lain. Justeru, pihak pengurusan taman perlu sentiasa memantau keselamatan aset/harta benda taman selain memastikan ianya berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Perkara yang akan dinilai bagi aspek ini adalah seperti berikut:

- ❖ Tiada kerosakan kepada kemudahan rekreasi dan fasiliti taman kerana vandalisme.
- ❖ Tiada graffiti pada kemudahan rekreasi dan fasiliti taman.

8. Tahap Kebersihan dan Penyelenggaraan Taman

Taman awam dan kawasan hijau yang bersih, indah dan selesa menunjukkan komitmen pihak pengurusan taman yang cekap dan sistematik dalam menjaga kualiti taman. Terdapat dua (2) aspek yang dinilai bagi memastikan tahap kebersihan dan penyelenggaraan taman yang baik:

- ❖ Penilaian keseluruhan kebersihan dan penyelenggaraan taman berdasar spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan.
- ❖ Penilaian keseluruhan kebersihan dan penyelenggaraan taman berdasar perancangan yang telah dinyatakan dalam Pelan Pengurusan Taman/polisi organisasi.



SEKSYEN 5

KESELAMATAN PENGGUNA

Seksyen ini memfokuskan aspek keselamatan yang telah diambil tindakan oleh pihak pengurusan untuk menjamin keselamatan pengguna. Penilaian skop audit fizikal akan merangkumi dua (2) aspek utama iaitu:

1. Kawalan Keselamatan
2. Tiada Ancaman Keselamatan Pengguna

1. Kawalan Keselamatan

Kawalan keselamatan taman boleh dilaksanakan melalui penyediaan pengawal keselamatan bagi menjaga keselamatan/lalu lintas kawasan taman, renjer taman bagi memantau/bantuan kawalan keselamatan, pemandu arah taman sama ada kerja-kerja pengawasan mahupun membantu dalam aktiviti rekreasi/eksplorasi/program taman atau penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang boleh mengambil tindakan terhadap pelanggaran undang-undang taman. Kawalan keselamatan taman juga termasuk lawatan rondaan pihak polis dan penyediaan peralatan keselamatan seperti kamera litar tertutup (CCTV).

Penyediaan kawalan keselamatan taman dapat mempertingkatkan tahap keselamatan dan keyakinan orang ramai yang beriadah selain mengurangkan risiko pengunjung menjadi mangsa kegiatan jenayah dan mengekang kegiatan vandalisme.



Aspek ini akan dinilai melalui perkara berikut:

- ❖ Terdapat pengawal keselamatan, renjer taman atau penguatkuasa PBT.
- ❖ Rondaan dan pengawasan taman dilaksanakan secara berjadual.
- ❖ Terdapat Kamera Litar Tertutup (CCTV) bagi mengawasi kawasan taman.
- ❖ Lawatan/rondaan kereta peronda polis secara berkala.

2. Tiada Ancaman Keselamatan Pengguna

Selain penyediaan kawalan keselamatan bagi mengawasi taman dan pengguna, pihak pengurusan taman juga perlu berjaga-jaga (*alert*) dan prihatin terhadap sebarang ancaman tingkah laku pengguna dan persekitaran yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna taman yang lain. Penilaian terhadap aspek ini melibatkan perkara berikut:

- ❖ Tiada bukti tingkah laku dan kehadiran orang yang boleh membawa ancaman seperti penagih dadah dan pemabuk.
- ❖ Tiada tempat yang boleh mendatangkan ancaman bahaya seperti kemudahan rekreasi dan fasiliti yang rosak, pokok tidak diselenggara, bangunan tinggal, semak-samun, lubang dan tanah jerlus.
- ❖ Tiada bukti kehadiran hidupan liar, berbisa dan merbahaya seperti anjing liar, ular dan tebuian.
- ❖ Terdapat pemberitahuan (*notification*) untuk memaklumkan kepada pengguna akan sebarang ancaman keselamatan akibat bencana atau kerja-kerja penyelenggaraan yang sedang dilaksanakan.

SEKSYEN 6

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Penekanan terhadap sistem pengurusan dan penyelenggaraan landskap yang mampan adalah penting bagi menjamin kelestarian kawasan taman sebagai sebahagian daripada ekosistem dan habitat perbandaran yang menyeluruh. Seksyen ini menggariskan dua (2) tindakan yang akan dinilai bagi menyokong kelestarian alam sekitar iaitu:

1. Penggunaan Bahan Kimia dan Bahan Bakar Yang Minimum
2. Penggunaan Sumber Secara Efisien



1. Penggunaan Bahan Kimia dan Bahan Bakar Yang Minimum

Penggunaan bahan kimia dan bahan bakar yang minimum dimaksudkan melalui aspek berikut:

Nota: Nilai kaedah dan penyimpanan bahan kimia dalam pengurusan dan penyelenggaraan taman.

- ❖ Penggunaan baja sebatian organik dan baja organik, berbanding baja sebatian kimia/sintetik.
- ❖ Kawalan rumpai secara mekanikal seperti mencabut dan memotong berbanding penggunaan racun herba.
- ❖ Kawalan musuh perosak tanaman secara mekanikal, biologi dan *bio-pesticide* berbanding penggunaan racun kimia.
- ❖ Penggunaan bahan cuci (tandas, karat dan lain-lain) yang mesra alam berbanding bahan cuci sintetik.
- ❖ Pembersihan kawasan secara manual berbanding penggunaan mesin dan peralatan yang menggunakan bahan bakar.

2. Penggunaan Sumber Secara Efisien

Selain mengamalkan penggunaan bahan kimia dan bahan bakar yang minimum, pihak pengurusan taman juga digalakkan menggunakan sumber secara efisien. Aspek yang akan dinilai adalah seperti berikut:

- ❖ Penggunaan tenaga/lampu solar secara meluas.
- ❖ Penggunaan air hujan dan kolam/tasik untuk penyelenggaraan taman.
- ❖ Inisiatif penjimatan sumber seperti menetapkan 'timer' pada lampu taman.

SEKSYEN 7

PEMULIHARAAN LANDSKAP, BIODIVERSITI DAN PENDIDIKAN

Seksyen ini akan menilai tindakan-tindakan yang dilaksanakan pada peringkat reka bentuk, pembangunan dan pengurusan taman. Aspek pemuliharaan landskap, biodiversiti dan pendidikan penting bagi menjamin pemuliharaan aset dan karakter landskap semulajadi tapak, mengekalkan kepelbagaian spesies tumbuhan landskap dengan memberi keutamaan kepada tumbuhan asal tapak (*native plant*), keupayaan taman dan kawasan hijau membentuk jaringan koridor habitat flora dan fauna serta menekankan penerapan dan pelaksanaan elemen pendidikan dalam penyediaan sesebuah taman. Terdapat 3 aspek yang dinilai bagi tujuan ini, iaitu:

1. Pemuliharaan Landskap
2. Pemuliharaan Biodiversiti
3. Elemen Pendidikan

1. Pemuliharaan Landskap

Aspek ini ditekankan kerana ia melibatkan aset landskap semulajadi yang bernilai sejarah, mencerminkan asal usul setempat serta mempunyai karakter dan budaya setempat. Genius loci bermaksud reka bentuk landskap harus sentiasa disesuaikan dengan konteks di mana ia berada, iaitu konteks setempat. Penilaian terhadap pemuliharaan landskap merangkumi perkara berikut:

- ❖ Pemuliharaan aset landskap seperti sungai, mata air, batuan dan struktur yang punya nilai sejarah, membentuk karakter dan genius loci setempat.
- ❖ Penanaman dan pemuliharaan pokok asal (*native plant*), bernilai sejarah, hampir pupus dan lain-lain.



2. Pemuliharaan Biodiversiti

Pemilihan jenis tanaman adalah penting dalam membantu pemuliharaan biodiversiti kerana taman awam dan kawasan hijau berfungsi sebagai habitat flora dan fauna. Penilaian terhadap pemuliharaan biodiversiti merangkumi perkara berikut:

- ❖ Taman awam/kawasan hijau merupakan sebahagian daripada jaringan koridor habitat flora dan fauna.
- ❖ Penanaman pokok yang menggalakkan kehadiran fauna seperti burung, pepatung, rama-rama dan mamalia kecil.

3. Elemen Pendidikan

Penerapan elemen pendidikan dalam sesebuah taman awam dan kawasan hijau amat digalakkan kerana ianya memberi pengalaman ruang luar yang kondusif, berlatarbelakang alam semulajadi dan persekitaran landskap. Penilaian terhadap elemen pendidikan merangkumi perkara berikut:

- ❖ Elemen pendidikan dan pengalaman landskap/alam semulajadi dalam taman seperti pusat interpretif, papan tanda, penyediaan renjer taman dan lain-lain.
- ❖ Perlaksanaan aktiviti pendidikan dan pengalaman landskap/alam semulajadi oleh pihak pengurusan taman.

SEKSYEN 8

OUTCOME

Seksyen ini menilai keseluruhan *outcome* penyediaan taman awam dan kawasan hijau bagi memenuhi keperluan rekreasi awam, kelestarian alam sekitar dan pemuliharaan karakter landskap. Selain itu, seksyen ini juga menilai pandangan awam dan pengguna berkaitan penyediaan taman dan kawasan hijau, sama ada memenuhi fungsi penyediaan dari aspek rekreasi, alam sekitar, budaya, sosial dan ekonomi serta menyumbang kepada pembentukan identiti setempat dan kesejahteraan hidup masyarakat. Terdapat 4 aspek utama yang dinilai bagi tujuan auditan iaitu:

1. Rekreasi Awam
2. Kelestarian Alam Sekitar
3. Pemuliharaan Karakter Landskap
4. Kepuasan Pengguna

1. Rekreasi Awam

Menilai sama ada taman awam dan kawasan hijau memenuhi keperluan riadah dan rekreasi awam.

2. Kelestarian Alam Sekitar

Adakah taman awam dan kawasan hijau menyumbang kepada kelestarian alam sekitar bagi keseluruhan kawasan kejiranan.

3. Pemuliharaan Karakter Landskap

Adakah taman awam dan kawasan hijau menyumbang kepada pengekalan dan pemuliharaan karakter landskap serta kualiti visual setempat.

4. Kepuasan Pengguna

Melihat kepada kepuasan hati pengguna terhadap penyediaan taman awam dan kawasan hijau sama ada memenuhi fungsi penyediaannya.



04 LAMPIRAN


ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM
DRAGONFLY PARK

CARTA ALIR
PELAKSANAAN ANUGERAH

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

CARTA ALIR

PELAKSANAAN ANUGERAH ROSA-SINENSIS – PENARAFAN TAMAN AWAM



BORANG 1
BORANG PERMOHONAN
PENYERTAAN

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM



*Salinan Pemohon



ANUGERAH ROSA – SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama PBT / Jabatan / Agensi / Pemaju	:	
Alamat	:	
No. Telefon	:	
E-mel	:	

B. MAKLUMAT TAMAN

Nama Taman	:				
Lokasi (Mohon lampirkan pelan google map)	:				
Kategori Taman	:		Keluasan (Ha)	:	
Layout Plan Taman	:	*Sila sertakan <i>Layout Plan</i> dalam lampiran			
Gambar Semasa Di Tapak	:	*Sila sertakan laporan bergambar dalam lampiran			

*Sila rujuk manual

C. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Nama	:				
Jawatan	:				
E-mel	:				
No Telefon Pejabat	:		No Telefon Bimbit	:	



*Salinan Pemohon



ANUGERAH ROSA – SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

D. PENGESAHAN PENYERTAAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat (Nama PBT/Jabatan/Agensi/Pemaju yang dinyatakan diatas adalah benar dan bersetuju untuk PBT/Jabatan/Agensi/Pemaju menyertai pencalonan untuk penganugerahan Anugerah Rosa - sinensis - Penarafan Taman Awam.

Tandatangan	:	
Nama PBT / Jabatan / Agensi / Pemaju	:	
Jawatan	:	
Cop Rasmi PBT / Jabatan / Agensi / Pemaju	:	



*Salinan Pemohon



ANUGERAH ROSA – SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

E. LAMPIRAN *LAYOUT PLAN* TAMAN

F. LAMPIRAN LAPORAN BERGAMBAR

BORANG 2
BORANG SENARAI SEMAK
PERMOHONAN

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM



*Salinan Sekretariat/Pemohon



ANUGERAH ROSA – SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN

MAKLUMAT PEMOHON

Nama PBT / Jabatan / Agensi / Pemaju	:	
Nama Taman	:	
No. Rujukan	:	

SENARAI SEMAK PERMOHONAN

LENGKAP

TIDAK LENGKAP

1. Nama Taman	☐	☐
2. Lokasi (Lampiran Pelan Google Map)	☐	☐
3. Kategori Dan Keluasan	☐	☐
4. <i>Layout Plan</i> Taman	☐	☐
5. Gambar Semasa Di Tapak	☐	☐
6. Pegawai Untuk Dihubungi	☐	☐

ULASAN URUSETIA		DISEMAK OLEH:	
☐ Lengkap (Layak Di Audit) *Sila Semak Tarikh Audit	Nama	:	
	Jawatan	:	
☐ Tidak Lengkap (Pemakluman Permohonan Semula)	Tarikh	:	



*Salinan Sekretariat/Pemohon



ANUGERAH ROSA – SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

MAKLUMAT AUDITAN

Tarikh Lawatan Audit Dokumen	:	
Tarikh Lawatan Audit Fizikal (Tapak)	:	

*Sila rujuk Manual Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam bagi tujuan penyediaan pembentangan dan dokumen yang berkaitan untuk Audit Dokumen.

NAMA AHLI AUDITOR

Bil.	Nama	No. Telefon
1.	(Ketua Auditor)	
2.	(Ahli)	
3.	(Ahli)	

Sekretariat Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam

*Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut boleh berhubung dengan Sekretariat Anugerah Rosa-sinensis - Penarafan Taman Awam seperti berikut :-

Bahagian : Penyelidikan dan Pemuliharaan

Alamat : Jabatan Landskap Negara
Tingkat 10, Blok F10 Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62000, Putrajaya

No.Tel : (603) 8091 0500

E-Mel : kpjln@jln.gov.my

BORANG 3
BORANG JADUAL AUDIT

ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM



*Salinan Pemohon



ANUGERAH ROSA – SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

BORANG JADUAL AUDIT

Nama Ahli Auditor : 1) (Ketua Auditor)
2)
3)
4)

BORANG JADUAL AUDIT

Bil.	Nama Taman	Nama PBT/Jabatan/Agensi /Pemaju	Tarikh Audit Dokumen	Tarikh Audit Fizikal	Pegawai Dihubungi
1.					
2.					
3.					
4.					

Nota :-

1. Sekretariat - penyelarasan tarikh dan masa.
2. Penyelarasan dokumen oleh pemohon:
 - Slaid pembentangan
 - Dokumen sokongan
 - Salinan kepada Auditor mestilah dikemukakan 3 hari sebelum tarikh Audit.



ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM

TAMAN METROPOLITAN KEPONG, KUALA LUMPUR



**ANUGERAH
ROSA-SINENSIS
PENARAFAN TAMAN AWAM**



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

ARAS 10, BLOK F10, KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN PARCEL F
PRESINT 1, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62000 PUTRAJAYA
TEL.: (603) 8091 0500 | FAKS.: (603) 8091 0670

www.jln.gov.my

2022

ISBN 978-629-96919-0-7

